

BH 6/8/2024 m/s 12

Lantik profesor diraja, tambah profesor ulung iktiraf ilmuwan pemikir negara

● Pengiktirafan ahli akademik sebagai profesor ulung gambarkan peralihan daripada pemimpin akademik atau sarjana kepada pemikir sosial tetapi sejak 2017, kita tidak lagi mempunyai tokoh baharu

● Cadangan nama Syed Muhammad Naquib sebagai profesor diraja ada justifikasi kerana beliau asaskan institusi seperti ISTAC, gagasan Islamisasi ilmunya beri impak pendidikan umat Islam di seluruh dunia

Oleh Prof Dr Mohd Izani Mohd Zain
bhrencana@bh.com.my

Jawatan Profesor Ulung (Gred Khas Turus) diperkenalkan pada 2010, sekali gus menempatkan kerjaya akademik pada tempat tertinggi dan istimewa dalam hierarki penjawat awam, setanding dengan skim perkhidmatan lain seperti Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD).

Ini kerana ahli akademik terbukti kewibawaannya dilihat modal insan pakar (ilmuwan) yang boleh menyumbang sebagai pemikir negara. Mereka jugalah melahirkan kumpulan profesional berkhidmat dalam pelbagai sektor perkhidmatan di negara ini.

Profesor ulung khususnya menjadi ikon dan milik negara perlu dikongsi kepekarannya secara bersama. Dalam kata lain, profesor ulung bukan lagi hanya milik institusi. Lebih-lebih lagi, landskap geopolitik semasa memerlukan peranan akademia termasuk profesor ulung sebagai pakar rujuk.

Selain menjadi pemimpin akademik di institut pengajian tinggi (IPT), mereka mempunyai tanggungjawab besar sentiasa bersedia berkongsi idea untuk kebaikan negara.

Kepada mereka inilah tanggungjawab diletakkan untuk membangkitkan isu kritikal dengan penghujahan berasaskan fakta dan kebenaran untuk kelestarian pembangunan negara.

Bersandarkan reputasi dan keserjanaan profesor ulung, mereka diberikan amanah dan tanggungjawab sebagai penasihat kepada kerajaan dalam bidang kepekarannya masing-masing.

Pembangunan negara amat bergantung kepada penyertaan semua pihak termasuk dalam kalangan ahli akademik. Sumbangan profesor ulung cukup relevan dengan menawarkan idea bernas bagi mencari penyelesaian terhadap cabaran semasa dan mendatang.

Profesor ulung berperanan menjuarai isu kemasyarakatan dan kenegaraan berpaksikan ilmu dan kebenaran. Pada masa sama, masyarakat wajar bersedia menerima kehadiran warga akademia dan mengambil manfaat akan kebijaksanaannya.

Persepsi negatif kepada ahli akademik atau 'acadmiphobia' seharusnya tidak wujud kerana ikatan murni antara masyarakat dengan akademia akan menyumbang kepada situasi menang-menang, sekali gus menguntungkan negara untuk jangka panjang.

Selain menjadi ikon masyarakat dan negara, kita tidak menafikan peranan sumbangan penting profesor ulung dalam konteks IPT itu sendiri. Dalam dunia akademik, ia boleh menjadi 'sumber inspirasi' oleh ahli akademik muda termasuk mahasiswa.

Mereka menjadi ikon atau idola kumpulan penyeldik dalam sub bidang kepekarannya dan pada masa sama menerajui kumpulan lebih besar dalam bidang ilmu utama atau program rentas bidang diperlukan pada masa ini. Lebih-lebih lagi, laluan kerjaya akademik adalah perjalanan panjang.

Pengiktirafan ahli akademik sebagai profesor ulung amat jelas apabila menggambarkan peralihan daripada pemimpin akademik atau sarjana kepada pemikir sosial.

Profesor ulung amat dihormati dan disegani semua akademia di IPT kerana penyandang gelaran ini dapat mempamerkan mutu dan kualiti kecemerlangan akademik menyerlah demi kepentingan masyarakat.

Kini negara mempunyai lima profesor ulung, iaitu Prof Ulung Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin, Allahyarham Tan Sri Profesor Ulung Dr Mohd Kamal Hassan, Datuk Prof Dr Looi Lai Meng, Profesor Ulung Datuk Dr Harith Ahmad dan Profesor Ulung Datuk Dr Rajah Rasiah.

Namun selepas 2017, kita tidak lagi mempunyai profesor ulung baharu.

Transformasi sarjana ke pemikir

Selain profesor ulung, satu lagi taraf dan pengiktirafan profesor tersohor ialah profesor diraja. Sehingga kini, negara hanya memiliki seorang sahaja, iaitu Allahyarham Profesor Diraja Ungku Aziz Ungku Abdul Hamid.

Naratif kecemerlangan akademik dan impak kepada masyarakat awam menyerlahkan suatu transformasi daripada sarjana ke pemikir sosial oleh profesor diraja dan profesor ulung ini ada dianalisis dalam buku *Sarjana ke Pemikir Sosial: Suatu Lonjakan Akademik* terbitan Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT).

Seksyen 46, Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971 menyatakan Yang di-Pertuan Agong boleh melantik orang mempunyai kepujian akademik luar biasa sebagai profesor diraja, selepas berunding dengan canselor.

Meskipun Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) menyatakan pelantikan profesor diraja boleh dibuat pada bila-bila masa tidak melebihi tiga orang, negara kita hanya mempunyai seorang sahaja profesor diraja yang kini sudah pun meninggal dunia pada 2020.

Baru-baru ini, Mesyuarat Majlis Raja-Raja (MRR) ke-266 menarik perhatian umum apabila antara lain membincangkan pelantikan profesor diraja seperti dilaporkan pihak media.

Sebelum itu, iaitu pada awal tahun lalu, wujud cadangan agar gelaran profesor diraja dianugerahkan kepada Tan Sri Profesor Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas. Cadangan ini juga pernah dikemukakan semasa sesi perbincangan titah Yang di-Pertuan Agong di Dewan Rakyat pada 16 Februari tahun lalu.

Dalam komuniti ilmuwan di negara mahupun antarabangsa, pencalonan Syed Muhammad Naquib mempunyai asas kukuh apabila beliau berperanan dalam inisiatif mengasaskan banyak institusi ulung seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Institut Bahasa dan Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (IBKMM).

Syed Muhammad Naquib juga bapa pengasas Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC) dan banyak lagi.

Sumbangan ilmiah beliau amat besar dalam mendepani cabaran zaman moden terutama menangkis fahaman sekularisme dan salah tafsir perihal sejarah peradaban Islam serta Melayu yang ditinggalkan cendekiawan penjajah.

Malah, Gagasan Pengislaman Ilmu Kontemporari yang beliau mulakan meninggalkan kesan mendalam ke atas pendidikan umat Islam di seluruh dunia sehingga lahirnya Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir sewaktu mengunjungi Syed Muhammad Naquib al-Attas pada awal pelantikan beliau, menzahirkan kekaguman terhadap tokoh berusia 93 tahun ini.


Dalam hantaran di media sosial, Zambry menyatakan Syed Muhammad Naquib adalah pemikir dan ilmuwan besar sememangnya dihormati serta disegani dalam bidang ilmu falsafah pendidikan di dalam dan luar negara.

Kita berharap negara dapat melahirkan lebih ramai pemikir sosial dalam kalangan sarjana di institusi pendidikan tinggi (IPT). Ia seharusnya bermula seawal ahli akademik sebagai pensyarah muda.

Pelantikan profesor diraja dan profesor ulung misalnya dapat mengangkat martabat keserjanaan ahli akademik sebagai pemikir sosial menyumbang dengan melangkaui 'pagar' universiti dan rutin akademik.



Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Terengganu (UMT)



Dr Muhammad Naquib al-Attas



(Dari kiri); Dr Harith Ahmad, Dr Shamsul Amri Baharuddin, Dr Looi Lai Meng, Allahyarham Ungku Aziz, Dr Rajah Rasiah dan Allahyarham Dr Mohd Kamal Hassan.